

EXPERT COLUMN, ACHIEVEMENT, COLLABORATION,  
MEDTALKS, PRODUCTS & SERVICES, COMMUNITY,  
PUBLICATION

# AMDI MAGAZINE

e-ISSN : 2735-041X



Pusat Perubatan USM Bertam ini menjadi sebahagian daripada perkhidmatan Hospital USM yang berada di Kubang Kerian Kelantan dan akan menyediakan perkhidmatan rawatan perubatan dan pergigian termasuk untuk pesakit kanser/onkologi. Pusat Perubatan USM Bertam mempunyai kepakaran dan fasiliti termasuk 27 buah katil wad pesakit dalam, unit rawatan rapi (ICU), wad radioiodin, teater pembedahan, endoskopi dan lain-lain di samping fasiliti dan makmal untuk rawatan pergigian. Untuk menampung kos operasi Pusat Perubatan USM Bertam ini, tumpuan diberi kepada pesakit berbayar melalui insurans, pesara kerajaan dan pihak-pihak yang mempunyai perjanjian dengan USM seperti PERKESO.

**USM Lancar Pusat Perubatan USM Bertam  
Untuk Naik Taraf Perkhidmatan  
Kesihatan Masyarakat**

# TABLE OF CONTENTS

## 01 ACHIVEMENT

Congratulation! OECD Good Laboratory Practice Compliance  
Kini Genggam Ijazah Doktor Falsafah, Rai dan Kongsi Kejayaan Bersama  
IPPT Rai Penerima Anugerah Ijazah Tinggi Di Upacara Konvokesyen Kali Ke 60  
Congratulations For winning the Gold Award at the 4th International Invention and Innovation in Dentistry Exhibition (IIIDentEx 2022)  
Tahniah Kumpulan IPPT Di Konvensyen KIK USM 2022

## 09 COLLABORATION

Lawatan "Penang Palliative Care Provider" Ke PPUSMB  
Lawatan Kerja Delegasi Institut Kejuruteraan Nano Elektronik, Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP)  
Program Khatan Perdana@Pusat Perubatan USM Bertam  
IPPT Anjur Program 'Enhancing Profesionalism in Nursing'  
Delegasi IPPT Rangka Lawatan Kerja ke Medan Indonesia  
IPPT USM Hasilkan Bra Mastektomi  
Lawatan Kerja Pegawai Sains UPM Ke CRL, IPPT  
Kolaborasi IPPT, USM dan UNAIR: Pengantarabangsaan perkongsian ilmu menerusi webinar

## 15 COMMUNITY

Program Sekolah Sihat, Aktif, Segak (PROSAS): Inisiatif inovasi sosial IPPT bersama komuniti dalam memerangi obesiti kanak-kanak  
Lawatan Unit OSHE IPPT dan Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT) PPUSMB ke Balai Bomba dan Penyelamat Kepala Batas  
Bengkel Jahitan 'Compression Sleeves' Untuk Pesakit Kanser  
Oktober Bulan Kesedaran Kanser Payudara: UNITA bersama LPPKN, Kilang Paramit, MBPP dan CSM  
Bengkel Jahitan Mastectomy Bra Bersama Komuniti  
Pink October Webinar Secara Langsung  
"KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI (KPT) PRIHATIN KOMUNITI SEJAHTERA (KRIS)" STEM OUTREACH - EMERGING INFECTIOUS DISEASE (EID)  
USM Lancar Pusat Perubatan USM Bertam Untuk Naik Taraf Perkhidmatan Kesihatan Masyarakat  
TNC BHEPA USM Sempurnakan Majlis Pecah Tanah Pusat Komuniti IPPT

## 24 EXPERT COLUMN

"Thalassaemia Screening" for phone application  
Chemoprevention - a route to avoid cancer?  
Tangan yang menghayun buaian, bisa menggongcang dunia  
Repurposing generic drugs for cancer treatment?  
The Obesity Paradox: Could Obesity Be Beneficial to You?  
Piawaian Kualiti Menjamin Tambah Nilai Produk Herba Untuk Penjagaan Kesihatan Dan Perawatan Aplikasi Model SEIR dalam Ramalan Trend Transmisi COVID-19 di Malaysia

## 37 PUBLICATION

## 41 SPECIAL FEATURES



# Congratulations

## OECD GOOD LABORATORY PRACTICE COMPLIANCE

### Test Facility:

Preclinical Translational Unit (PTU)

Animal Research Facility

Advanced Medical and Dental Institute

Universiti Sains Malaysia

### Area of Expertise:

TOXICITY

### Type of Product:

MEDICAL DEVICE

From  
Director  
and the entire IPPT community

# ACHIEVEMENT

## Kini Genggam Ijazah Doktor Falsafah, Rai dan Kongsi Kejayaan Bersama

oleh: Mahirah Mahyidin

SAINS@BERTAM, Disember 19 2022 -

Pada Sidang Pertama Upacara Konvokesyen Ke-60, di Dewan Tuanku Syed Putra (DTSP) Universiti Sains Malaysia (USM, pada sidang tersebut Canselor USM DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail berangkat menyampaikan ijazah kepada 478 orang graduan dari keseluruhan 7,320 orang yang menerima ijazah pada kali ini.

Meskipun pelbagai cabaran perlu dilalui sebelum mengecapi kejayaan, beliau telah memula berkhidmat di Pusat Islam Kampus Kejuruteraan Universiti Sains Malaysia, Nibong Tebal, Pulau Pinang Dr. Muhammad Latiffi Mahadzir sangat mencintai ilmu dan gemar mencari ilmu dan beliau seterusnya meneruskan perkhidmatan beliau di Institut Perubatan Dan Pegigian Termaju (IPPT), USM, Bertam, Kepala Batas, Pulau Pinang.

Kini beliau berkhidmat di Pusat Islam Kampus Induk sebagai Pembantu Hal Ehwal Islam Kanan (KUP) untuk Universiti dan sementara itu, beliau juga turut aktif di dalam penulisan buku dan juga jurnal dan beliau baharu sahaja menyiapkan manuskrip yang keempat untuk diterbitkan.

Seterusnya, beliau mendapatkan pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Ibrahim, Sungai Petani Kedah dan seterusnya melanjutkan persekolahan di peringkat menengah di Maktab Mahmud Alor Setar, Kedah. Kemudian beliau melanjutkan pelajaran di peringkat Diploma Pengajian Syariah di Institut Pengajian Ilmu-Ilmu Islam, Kuala Lumpur serta mendapat keputusan yang cemerlang.

Bagai pucuk dicita ulam mendatang, berkhidmat di Universiti Sains Malaysia, sebuah gedung ilmu tersohor di Utara Tanah Air merupakan suatu rezeki yang sangat diidam-idamkan. Manakan tidak, dapat menabur bakti dan berkhidmat di gedung ilmu adalah impian bagi seorang pencinta ilmu seperti beliau.

Selain itu, kerana mencintai kepada ilmu yang sangat mendalam sebaik sahaja disahkan di dalam jawatan, beliau mula mohon untuk melanjutkan pengajian di Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh USM pada 2004 dan Alhamdulillah beliau diterima sebagai mahasiswa di dalam bidang Sains Kemasyarakatan, major Antropologi Sosiologi dan minor Sains Politik.

Di sinilah beliau mula berazam untuk terus mencari ilmu dan belajar hingga ke peringkat Doktor Falsafah. Namun, disebabkan kekangan jabatan pada waktu itu yang kekurangan staf untuk melaksanakan pelbagai aktiviti serta program di Pusat Islam Kampus Kejuruteraan USM, beliau dengan rasa bertanggungjawab kepada jabatan dan Universiti yang telah memberi ruang untuk berkhidmat, beliau menangguhkan pengajian selama setahun.

Pada tahun 2005, beliau mula mengorak langkah di dalam pengajian Ijazah Sarjana Muda tanpa lagi menoleh kebelakang hingga beliau berjaya menamatkan pengajiannya serta berjaya bergraduasi pada tahun 2009.

Seterusnya, tanpa membuang masa beliau meneruskan dengan menyambung pengajian ke peringkat Sarjana pada tahun 2011 di dalam Mod Penyelidikan dalam bidang Tamadun dan tajuk kajian beliau mengenai Ibn Bajjah Dan Pandangannya Terhadap Al-Nafs yang mengkaji seorang tokoh di zaman keemasan Tamadun Andalusia dan pandangan tokoh tersebut mengenai kejiwaan.

Pada tahun 2015, cabaran beliau sewaktu dalam pengajian dan penyelidikan beliau mendapat surat tawaran ke tempat bertugas baru di Institut Perubatan Dan Pegigian Termaju (IPPT), USM, Bertam, Kepala Batas, Pulau Pinang dan pada tahun 2016 dengan jayanya beliau berjaya bergraduasi Ijazah Sarjana Sastera dalam bidang Tamadun.

Melihat masa itu sebagai emas yang sangat bernilai, beliau tanpa membuang masa, terus menyambung pengajiannya ke peringkat Doktor Falsafah pada tahun 2017 di dalam mod penyelidikan Tokoh Pemikiran Islam.

Demi memenuhi sebuah impian yang telah lama diidamkan sejak mula berkhidmat dengan Universiti ini lagi dan kali ini kajian dan penyelidikan beliau tertumpu kepada Kajian Perbandingan Konsep Tazkiyah Al-Nafs Menurut Ibn Arabi Dan Jamaludin Al-Rumi yang merupakan sebuah penyelidikan yang tertumpu kepada perbandingan bagi kedua-dua tokoh Islam yang hebat mengenai pandangan mereka ke atas konsep penyucian jiwa.

Sambil menyesuaikan diri ditempat kerja yang baharu, beliau tidak meninggalkan penyelidikan, kajian dan pengajian dengan harapan yang melangit tinggi untuk menggenggam segulung Ph.D. Alhamdulillah kajian dan penulisan tesis beliau berjaya siapkan pada tahun 2020.





**MUHAMMAD LATIFFI BIN MAHADZIR  
(MALAYSIA)  
DOKTOR FALSAFAH**

Namun, takdir Allah SWT pada ketika itu, dunia dilanda Pandemik Covid-19. Negara berada di dalam perintah Kawalan Pergerakkan (PKP), ujian viva Ph.D beliau terpaksa ditunda dan akhirnya ditetapkan pada Jun 2021 dan pada ujian tersebut beliau berjaya dengan cemerlangnya.

Akhirnya, pada tanggal 3 Disember 2022 adalah merupakan hari yang sangat bersejarah di dalam hidup beliau berjaya bergraduasi serta memenuhi cita-citanya untuk menggenggam segulung Ijazah Doktor Falsafah serta mempunyai kepakaran di dalam bidang Tamadun, Tokoh Pemikiran Islam serta Spiritual.

Sebuah buku Akademik yang bakal diterbitkan oleh Penerbit Universiti bertajuk Prinsip Pendidikan Rabbani berdasarkan Kitab Ayyuhal Walad Imam al-Ghazali. Menulis bersama isterinya Rafidah Ramya serta kedua-dua penyelia Ph.D beliau iaitu Dr. Shaik Abdullah Hassan Mydin dan juga Dr. Mohd. Afifuddin Mohamad.

Falsafah beliau adalah “Jika kita berada di dalam gedung makanan, adakah kita sanggup mati kelaparan sedangkan makanan berada di sekeliling kita”, begitu juga halnya dengan situasi dirinya yang berkhidmat di dalam gedung ilmu, apakah beliau mahu dirinya berada di dalam kegelapan kejahilan. Sedangkan ramai ilmuwan unggul berada di sekeliling kita.

Memetik kata-kata Imam al- Syafi'e, “Jika kita merasa letih untuk menuntut ilmu, maka kita juga akan merasa perit selama-lamanya untuk berada di dalam kegelapan kejahilan dan oleh itu, jangan mudah malas untuk menuntut ilmu kerana Allah SWT pasti akan mengangkat darjat bagi orang yang berilmu dan berakhlik”.

Tuntutlah ilmu ikhlas kerana Allah SWT semata-mata bukan sekadar mengejar jawatan dan pangkat. Hal ini kerana keredhaan Allah SWT itu lebih mahal serta tinggi nilainya berbanding kedudukan dan pangkat.

Kita tidak akan kembali kepada Allah SWT dengan membawa pangkat dan jawatan. Sebaliknya kembali kita kepada Allah SWT dengan membawa amal soleh, akhlak mulia serta redha-Nya dan itulah insan yang bahagia di dunia bahkan di akhirat.

Sebagai anak didik Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PPPJJ) Universiti Sains Malaysia, (dari Ijazah Sarjana Muda ke Ijazah Doktoran Falsafah), beliau sangat berbangga kerana menjadi produk PPPJJ USM sekaligus membuktikan bahawa siapa sahaja mampu belajar dan berjaya hingga ke peringkat Ijazah Doktor Falsafah.

Dalam pada itu, beliau juga sangat optimis serta bersyukur dan berterima kasih kepada Universiti Sains Malaysia yang telah memberikan peluang untuk beliau menuntut serta menimba ilmu di Universiti ini di samping turut menyumbang khidmat buat Universiti tercinta. Universiti Sains Malaysia tetap dihati.

Akhir sekali, “Jika anda ingin sambung belajar, pilihlah Universiti Sains Malaysia yang merupakan salah sebuah Gedung Ilmu tersohor di Tanah Air ini” katanya.

Jika beliau mampu, anda juga mampu melakukannya. Ayuh, jangan buang masa. Daftar segera di Universiti Sains Malaysia sebagai siswa siswi. Kalau bukan sekarang bila lagi dan kalau bukan kita, siapa lagi.

# IPPT RAI PENERIMA ANUGERAH IJAZAH TINGGI DI UPACARA KONVOKESYEN KALI KE 60

oleh: Mahirah Mahyidin



PENANG, Disember 4 2022 -

Graduan Sidang 2 Universiti Sains Malaysia (USM) yang menerima penganugerahan ijazah tinggi diraikan bersama-sama pensyarah akademik Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) disini.

Upacara Konvokesyen ke 60 pada sidang 2 disampaikan oleh Pro-Canselor USM, Tan Sri Datuk Mustafa Mansur dan seramai 299 graduan pada sidang 2 yang hadir sebagai penerima pada sidang tersebut. Selain itu, graduan penerima anugerah ijazah tinggi pada hari ini adalah terdiri daripada graduan-graduan USM yang telah berjaya menamatkan pengajian mereka dalam bidang Ijazah Kedoktoran dan Sarjana Sains, Kesihatan, Perubatan, Pergigian, Farmasi, Neurosains, Patologi dan Surgeri.

Dalam pada itu, dalam ucapan Tan Sri Datuk Mustafa Mansur “jadikan kejayaan ini sebagai salah satu bekalan dalam merintis pelbagai pencapaian dimasa hadapan, pendidikan bukan persiapan untuk hidup tetapi pendidikan hidup itu sendiri” nasihat kata beliau kepada graduan-graduan yang hadir di Dewan Tuanku Syed Putra (DTSP).

Pendidikan di Universiti merupakan alat proses transformasi bagi menyelesaikan pelbagai masalah yang melanda masyarakat dan adalah menjadi tanggungjawab universiti untuk mewujudkan dan merancang pembelajaran yang tersusun.



Akhir sekali, penutup Upacara Konvokesyen ini “Dengan membawa nama USM pacu dan tempatkan universiti tercinta dipuncak dunia dengan membudayakan hidup sihat dan kelestarian persekitaran dan mensyukuri peluang dibumi Allah” ucap Tan Sri.

# CONGRATULATIONS FOR WINNING THE GOLD AWARD AT THE 4TH IN- TERNATIONAL INVENTION AND INNOVATION IN DENTISTRY EXHIBITION (IIIDENTEX 2022)

oleh: Nozlena Binti Abdul Samad

IPPT, BERTAM, November 14 2022 -

We are glad to announce the recent achievement of our student, Julia Joseph, and internship students, Nurashikin Khiromzi, Adriana Alia Dzulhaimi, and Nur Atirah Rosli under the supervision of Dr Nozlena Abdul Samad, for winning the **Gold Award at the 4th International Invention and Innovation in Dentistry Exhibition (IIIDentEx 2022)** under the category of Young Inventor/Innovator for their project titled '**Formulation of Sucrose-Free Mouth Dissolving Moringa oleifera Lozenges**'.

Congratulations and looking forward for more success in the future!



# Tahniah

# KONVENTSEN

# KUMPULAN INOVATIF

# & KREATIF 2022

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

## KATEGORI PENGURUSAN

### JOHAN

**KUMPULAN PROTECH ADL**  
 ADVANCED DIAGNOSTIC LABORATORY  
 INSTITUT PERUBATAN & PERGIGIAN TERMAJU (IPPT)

HADIAH  
**RM4000**  
PIALA PUSINGAN  
PIALA IRINGAN

### NAIB JOHAN

KUMPULAN  
**MyLEAN.PHS**  
 PERPUSTAKAAN HAMZAH SENDUT  
 KAMPUS INDUK

HADIAH  
**RM2000**  
PIALA IRINGAN

## KATEGORI TEKNIKAL

### JOHAN

**KUMPULAN DENTECH**  
 PUSAT PENGAJIAN SAINS PERGIGIAN  
 KAMPUS KESIHATAN

HADIAH  
**RM4000**  
PIALA PUSINGAN  
PIALA IRINGAN

### NAIB JOHAN

KUMPULAN  
**UPN**  
 UNIT PERUBATAN NUKLEAR  
 INSTITUT PERUBATAN & PERGIGIAN TERMAJU (IPPT)

HADIAH  
**RM2000**  
PIALA IRINGAN

## PERSEMBAHAN TERBAIK

**KUMPULAN REHAB JASMINE 2.0**  
 UNIT PERUBATAN PEMULIHAN, HUSM  
 KAMPUS KESIHATAN

HADIAH  
**RM1500**  
PIALA IRINGAN

## POSTER TERBAIK

KUMPULAN  
**PROTECH ADL**  
 ADVANCED DIAGNOSTIC LABORATORY  
 INSTITUT PERUBATAN & PERGIGIAN TERMAJU (IPPT)

HADIAH  
**RM500**  
PIALA IRINGAN

## COLLABORATION

# Lawatan "Penang Palliative Care Provider" Ke PPUSMB

oleh: Dr. Khairizan Rahim/Suntingan: Mahirah Mahyidin



IPPT, BERTAM, Disember 2022 -

"Penang Palliative Care Provider" telah mengadakan kunjungan lawatan ke Pusat Perubatan USM Bertam (PPUSMB) pada pagi tadi. Antara tujuan utama lawatan ini adalah untuk pengenalan perkhidmatan klinikal di PPUSMB dan terutamanya Unit Paliatif PPUSMB.

Turut hadirsama dalam sesi lawatan ini adalah Dato Seri Dr. T Devaraj, Pn Chitra Alagan, Dr. Tan Pih Lee dari Penang Hospice Society, Dr. Lim Liang Yik dari Palliative Care Specialist (Hospital Pulau Pinang), Venerable Lyan Shih dan Dr. Loo Chia Ming dari Penang Pure Lotus, Dr. Oo Loo Chan dari Charis Hospice dan Dr. Elizabeth dan Matron Siti Aminah dari Mount Miriam Cancer Hospital.

Seterusnya, lawatan diteruskan ke wad pesakit dalaman, unit rawatan harian, unit onkologi dan juga di unit radioterapi.

Dalam lawatan ini juga turut mengiringi semua wakil adalah Dr. Siti Khairizan Rahim, Timbalan Penyelaras Unit Paliatif (PPUSMB) juga merupakan Pengerusi Majlis, Dr. Fitreena Anis Amran, Ketua Perkhidmatan Perubatan dan Pembedahan, Dr. Mohamad Zulfadhlil Abdullah, Pegawai Perubatan, Dr. Nor Amalina Abd Latif, Pegawai Perubatan, Pn. Law Kim Sooi, Ketua Jururawat dan Pn. Norjalilah Umar, Pn. Nor Na'Aimah Aznan dan Pn. Munirah Mohamed, Jururawat.



Selain itu, lawatan ini dapat mengumpulkan semua wakil dari fasiliti yang memberikan perkhidmatan paliatif di seluruh Pulau Pinang (Pulau dan Seberang Perai) yang terdiri daripada organisasi kerajaan, organisasi bukan kerajaan, organisasi kebajikan dan juga swasta.

Selaras dengan itu, terdapat juga perbincangan untuk memudahkan proses rujukan kes paliatif di seluruh Pulau Pinang mengikut zon kawasan dan perkhidmatan yang boleh diberikan oleh setiap organisasi.

Perbincangan juga menyentuh pendidikan paliatif seperti menjadikan PPUSMB sebagai pusat latihan untuk jururawat, komuniti dan sukarelawan.

Unit Paliatif IPPT telah bermula sejak tahun 2006 dan melalui beberapa proses perpindahan dari hospital Kepala Batas ke rumah Hospis Fatimah Az-zahra dan akhirnya bermula di bangunan klinikal IPPT pada tahun 2015 dan lebih berkembang pada tahun 2017 dengan menawarkan perkhidmatan klinik paliatif, lawatan ke rumah dan penambahan perkhidmatan rawatan di kecemasan mulai 2022.

# COLLABORATION

## *Lawatan Kerja Delegasi Institut Kejuruteraan Nano Elektronik, Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP)*

oleh: Naziroh Shafii


BERTAM, Disember 2022 -

Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT), Universiti Sains Malaysia hari ini menerima kunjungan lawatan kerja delegasi Institut Kejuruteraan Nano Elektronik, Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP).

Antara delegasi UNIMAP yang hadir dalam lawatan kerja ini adalah Prof. Madya Ts. Dr. Muhammad Mahyidin Ramli, Pengarah Institut Kejuruteraan Nano Elektronik, Prof. Ts. Dr. Uda, Hashim, Felo Penyelidikan dan Dr. Mohamad Faris Mohamad Fathil, Pengerusi Program Siswazah.

Pihak IPPT dihadiri oleh Prof. Madya Dr. Hasni Arsal, Timbalan Pengarah (Penyelidikan dan Jaringan), Prof. Madya Dr. Badrul Hisham Yahaya, Ketua Program Penyelidikan, Prof. Madya Dr. Fatanah Mohamad Suhaimi, Ketua Seksyen Inovasi dan Jaringan serta Dr. Rafeezul Mohamed.

*Hasil daripada perbincangan bersama ini, pihak UNIMAP berminat untuk berkolaborasi bersama IPPT dalam bidang molekular biologi dan biomarker.*



Lawatan Kerja Delegasi Institut Kejuruteraan Nano Elektronik, Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) Ke Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT)

# COLLABORATION

## Program Khatan Perdana@Pusat Perubatan USM Bertam

oleh: Mahirah Mahyidin

BERTAM, Disember 17 2022 -

Program Pakej Berkhatan@Pusat Perubatan USM Bertam telah berlangsung pada hujung minggu baru-baru ini di Pusat Perubatan USM Bertam.

Program ini melibatkan seramai 41 orang kanak-kanak yang terdiri dari kalangan komuniti dan juga dari warga kakitangan IPPT sendiri telah didaftarkan untuk berkhatan pada hari pertama program, namun terdapat 5 kes yang ditangguhkan untuk dirujuk oleh Pakar Perunding di PPUSMB nanti.

Pihak penganjur ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada para waris kerana memberi kepercayaan dan kerjasama baik kepada kami sepanjang program khatan ini berlangsung.

Seterusnya, juga kepada pihak pentadbiran IPPT USM, antaranya yang terlibat adalah pasukan Dr. Zaimi serta para sukarelawan program yang membantu melancarkan gerak kerja program.

*Program ini merupakan anjuran bersama  
Pusat Perubatan USM Bertam, Pusat  
Komuniti IPPT USM dan Koperasi Masjid  
Al-Malik Khalid USM (KOMALIK)*



Tidak lupa buat penglibatan Bomba Kepala Batas Daerah SPU yang sudi hadir memeriahkan suasana, seterusnya kepada semua pihak yang terlibat menjayakan program ini samaada secara langsung atau tidak langsung.

Diharapkan, dengan adanya program bertemakan kemas-yarakatan seperti ini, hubungan baik antara IPPT dan masyarakat setempat dapat dipererat dan diperkuuh.

Sekian, Tahniah dan Terima Kasih semua !!

#ProgramPekejBerkhatan@PPUSMB #Khatan #PusatKomunitiIPPT #UHEIS #PPUSMB #IPPT #AMDI #KOMALIK #PusatIslamUSM #USM #WeLead



# COLLABORATION

## IPPT Anjur Program 'Enhancing Profesionalism in Nursing'

oleh: Law Kim Sooi

SAINS@BERTAM, Disember 9 2022 -

Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) telah berjaya menganjurkan dua program khas kepada staf yang terpilih.

Program pertama iaitu Enhancing Profesionalism in Nursing diadakan di Auditorium Sains@Bertam pada 5 dan 6 Disember 2022 melibatkan penyertaan seramai 40 staf jururawat.

Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada staf jururawat tentang kepentingan pembangunan profesional dan memperkuuh imej profesional dalam kalangan jururawat.

Program tersebut membentuk ke azam an pihak pengurusan IPPT agar sentiasa berikhtiar untuk memberi sokongan dan komitmen dalam kemajuan organisasi dan peningkatan profesionalisme dalam kalangan staf.

Manakala program kedua pula bertajuk Perhubungan Awam Untuk Staf Hospital diadakan pada 7 dan 8 Disember 2022 dan seramai 40 peserta telah menghadiri kursus tersebut bertempat di Auditorium Sains@Bertam.

Objektif bengkel ini adalah untuk memberi pendedahan kepada staf tentang elemen-elemen perhubungan awam dan Effective Interpersonal Relationship In Health Care di mana kepuasan pelanggan diutamakan khususnya dalam menyelaras aduan pelanggan terhadap perkhidmatan IPPT untuk menonjolkan imej positif IPPT di kaca mata pelanggan.

Kedua-dua kursus ini telah dijayakan dengan bimbingan tiga orang penceramah jemputan iaitu Encik Iskandar Ahmad, Puan Abidah Yasin dan Cik Puziah Md Zain.



# COLLABORATION

## Delegasi IPPT Rangka Lawatan Kerja ke Medan Indonesia

oleh: Naziroh Shafii

MEDAN, INDONESIA, November 24 2022 -

Delegasi IPPT diketuai oleh YM Prof. Dr. Tunku Kamarul Zaman Tunku Zainol Abidin, Pengarah Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) Universiti Sains Malaysia (USM) dalam rangka lawatan kerja ke Medan Indonesia pada 21-23 November 2022 menerima undangan daripada pihak Lembaga Layanan Pendidikan Tinggi Wilayah I Sumatera Utara susulan daripada lawatan kerja pihak berkenaan ke IPPT pada bulan September yang lalu.

Antara rangka lawatan kerja adalah Majlis Penandatangan Memorandum Perjanjian (MoA) antara USM dan Sekolah Tinggi Ilmu Kesehatan Kisaran. Turut ditandatangkan adalah Letter of Intent for Collaboration bersama enam belas (16) buah institusi seperti Akademi Keperawatan Malahayati Medan, Akademi Kebidanan Armina Centre Panyabungan, Sekolah Tinggi Ilmu Kesehatan Sehat Medan, Akademi Kebidanan Sentral, STIKES Darmais Padangsidimpuan, Sekolah Tinggi Ilmu Kesehatan Arta Kabanjahe, Institut Kesehatan Helvetia, Akademi Kebidanan Kharisma Husada Binjai, Akademi Kebidanan Langkat, Akademi Kebidanan Madina Husada, Institut Teknologi dan Kesehatan Sumatera Utara, Sekolah Tinggi Ilmu Kesehatan Kesehatan Baru, Sekolah Tinggi Ilmu Kesehatan Namira Madina, Sekolah Tinggi Ilmu Kesehatan Sehati, Universitas Haji Sumatera Utara dan STIKES Mitra Husada.



Lanjutan daripada perbincangan dua hala bersama pihak-pihak berkenaan, pihak Lembaga Layanan Pendidikan Tinggi Wilayah 1 Sumatera Utara (LLDIKTI) yang berpusat di Medan bercadang untuk memperluaskan kolaborasi bersama USM dengan kira-kira 500 buah institusi dalam kawasan Jajahan 1, 10 dan 13 Sumatera Utara. Untuk fasa pertama pihak LLDIKTI akan memfokuskan kepada 216 buah institusi di bawah Jajahan 1 Sumatera Utara.

Institut Perubatan dan Pergigian Termaju amat mengalu-alukan jaringan kerjasama dan kolaborasi antarabangsa sama ada dalam bidang kesihatan, akademik dan juga penyelidikan dan berharap untuk meneroka lebih banyak lagi peluang kerjasama pada masa hadapan.

# COLLABORATION

## Lawatan Kerja Pegawai Sains UPM Ke CRL, IPPT

oleh: Azleen Binti Mat Sharif

### MAKMAL PENYELIDIKAN BERPUSAT (CRL), IPPT , September 29 2022 -

Makmal Penyelidikan Berpusat (CRL), IPPT telah menerima kunjungan seramai 16 orang delegasi exco Persatuan Pegawai Sains UPM (PScUPM) dan exco Persatuan Penolong Pegawai Sains UPM pada 29 September 2022. Delegasi tersebut diketuai oleh Presiden Encik Mohd Nizam Mahat. Ketibaan mereka pada pukul 3:15 petang di CRL, IPPT telah disambut oleh YBrs. Prof. Madya Dr Hasni Arsal, Timbalan Pengarah Bahagian Penyelidikan & Jaringan, YBrs. Tuan Haji Mohd Basir Selvam Abdullah, Ketua Seksyen Makmal Penyelidikan Berpusat (CRL) serta rakan-rakan pegawai sains IPPT yang lain.

Lawatan yang telah mendapat kelulusan YBhg Timbalan Naib Canselor Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, Prof. Dato' Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed ini adalah merupakan susulan Sesi Perbincangan Penandaarasan Pembangunan & Pemajuan Skim C di antara Persatuan Pegawai Sains Universiti Putra Malaysia (PScUPM) dan Persatuan Pegawai Sains Universiti Sains Malaysia (PPSUSM) yang telah diadakan pada 7 Oktober 2021 yang lalu.

Aktiviti lawatan ini dimanfaatkan sebaik-baiknya dengan bertukar-tukar info mengenai pengurusan makmal, cabaran semasa yang dihadapi serta perkembangan kerjaya skim C di Universiti Awam. Sebelum itu, sesi pembentangan dan soal jawab telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama Blok C, Sains@USM, Bukit Jambul dan disusuli dengan lawatan ke ABrC dan INOR di Sains@USM untuk melihat fasiliti termaju di sana.

Lawatan kali ini mendapat kerjasama yang baik dari Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, Dr. Normaliza Abdul Manaf sebagai Ketua Penyelaras Latihan Pegawai Sains USM, ABrC, INOR, CRL IPPT serta penglibatan exco PPSUSM.

Adalah diharapkan semoga kerjasama di antara Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, Persatuan Pegawai Sains USM (PPSUSM) dan Persatuan Pegawai Sains UPM (PScUPM) terus utuh dan berterusan agar dapat bersama-sama membangun dan menggalakkan perkembangan profesion skim C di Malaysia.



Perkongsian ilmu secara dalam talian seumpama ini mempunyai impak positif dalam menyebarluaskan pengetahuan, kepakaran dan pengalaman. Kolaborasi sebegini juga mampu memberikan impak yang tinggi dalam meningkatkan reputasi dan keterlihatan IPPT, USM pada peringkat antarabangsa. Perbezaan lokasi, jarak dan masa bukan lagi penghalang untuk memastikan semangat kerjasama ke arah budaya penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang lebih baik akan terus kekal.

## COLLABORATION

### Kolaborasi IPPT, USM dan UNAIR: Pengantarabangsaan perkongsian ilmu menerusi webinar

oleh: Nurul Shahfiza Binti Noor

IPPT, USM, Julai 29 2022 -

Perbincangan secara maya telah diadakan diantara pihak IPPT dan Universitas Airlangga (UNAIR) berkaitan penganjuran webinar secara bersama. Program ini merupakan salah satu aktiviti kolaborasi penyelidikan di antara IPPT dan UNAIR. Webinar yang dirancang ini dijangka bermula pada bulan Ogos 2022 sehingga Oktober 2023. Ia akan menjadi platform pengantarabangsaan perkongsian ilmu menerusi webinar di antara dua institusi ini.

Beberapa siri perbincangan secara maya berkaitan penganjuran webinar telah diadakan. Program webinar ini diketuai oleh Dr. Hazrina Yusof Hamdani dan Dr. Asmida Isa bagi pihak IPPT dan Dr. Reny Itishom sebagai wakil UNAIR. Beberapa topik telah dipersetujui antara kedua-dua pihak untuk dibentangkan di dalam webinar akan datang. Topik-topik tersebut merangkumi introductory talk on IPPT (Prof Madya Dr Hasni Arsal)/UNAIR (Prof Hendy Hendarto) research niche, infectious diseases, breast cancer, liver cancer, dementia, gastroenterology, herbal medicine dan stem cell.

Program perkongsian ilmu ini dijangka berlangsung setiap dua bulan sekali selama satu jam. Penyertaan adalah terbuka kepada warga USM terutamanya penyelidik dan juga para pelajar. Program webinar ini diharap mampu membuka ruang kolaborasi pelbagai bidang antara kedua-dua universiti.



Perbincangan kolaborasi penyelidikan antara IPPT-UNAIR menerusi aplikasi WEBEX

# COMMUNITY

## Lawatan Unit OSHE IPPT dan Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT) PPUSMB ke Balai Bomba dan Penyelamat Kepala Batas

oleh: Maisarah Nasution Binti Waras

BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT KEPALA BATAS, Oktober 2022 -

Pada 20 Oktober 2022 bertempat di Balai Bomba dan Penyelamat Kepala Batas, satu perjumpaan telah diadakan di antara Unit OSHE IPPT dan ERT PPUSM Bertam dan pihak Balai Bomba dan Penyelamat Kepala Batas.

Perjumpaan telah dihadiri oleh Unit OSHE IPPT yang diwakili oleh Dr Maisarah Nasution dan Mohd Sharqawi Omar, Pasukan Emergency Response Team PPUSM Bertam yang diwakili oleh En Md. Hisham Abd Razak dan Tuan Mohd Fauzi bin Suid @ Shuaib, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Kepala Batas.

Unit OSHE IPPT dalam perbincangan itu juga telah memperkenalkan secara umum lokasi dan fungsi bangunan-bangunan IPPT. Peranan Unit OSHE IPPT dan pasukan ERT dalam persediaan menghadapi kebakaran dan kecemasan di IPPT turut dibincangkan dengan ringkas dalam pertemuan ini.

Perjumpaan berlangsung dengan lancar dan mencapai objektifnya.

Pihak OSHE IPPT dan ERT PPUSM BERTAM mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan perjumpaan kali ini.

**Tujuan perjumpaan ini adalah sebagai sesi suaikenal dan perbincangan kerjasama lanjut pihak IPPT dan Balai Bomba dan Penyelamat Kepala Batas dalam menangani kecemasan dan kebakaran di IPPT. Perbincangan turut diadakan berkisarkan khidmat nasihat yang diperlukan daripada pihak bomba untuk memantapkan pasukan ERT IPPT secara keseluruhan dan sistem pencegahan dan persediaan menghadapi kebakaran di bangunan PPUSMB.**



# COMMUNITY

## Bengkel Jahitan ‘Compression Sleeves’ Untuk Pesakit Kanser

oleh: Bakiah Binti Shaharuddin

PPUSMB, November 11 2022 -

Projek bengkel jahitan compression sleeves tangan diketuai oleh Prof Madya Dr Bakiah Shaharuddin dengan bantuan Puan Fazillah Khazali, Puan Syuhada Sufian dan Puan Aminah binti Hassan, dari unit Rehabilitasi PPUSMB. Projek ini adalah lanjutan kolaborasi Program Penyelidikan Kanser Payudara IPPT dengan Cancer Survivors Malaysia di bawah naungan Puan Hajjah Zuraini Kamal. Pihak CSM telah berbesar hati menyumbang fabrik bagi projek ini. Tujuan bengkel diadakan adalah untuk menghasilkan compression arm sleeves untuk diedarkan kepada pesakit kanser yang memerlukan secara percuma dan juga memindahkan pengetahuan jahitan sebagai produk baru bagi komuniti tukang jahit yang menyertai projek ini.

### Perkara yang Anda Perlu Tahu Mengenai Compression Sleeves

Compression sleeves biasanya digunakan untuk membantu pesakit mengurangkan gejala lymphedema. Keadaan ini boleh berlaku dengan sendiri atau selepas pembedahan yang melibatkan pembuangan nodus limfa, yang merupakan prosedur biasa untuk pesakit kanser. Selepas pembedahan nodus limfa, sesetengah pesakit mengalami bengkak pada lengan dan kaki mereka akibat gangguan aliran cecair limfa.

### Apakah compression sleeves Lengan dan Kaki?

Untuk lengan, biasanya dari pergelangan tangan ke lengan atas berhampiran ketiak. Compression sleeve untuk kaki pula datang dalam beberapa panjang yang berbeza. Ia mungkin menutup seluruh kaki, dari buku laji ke paha, atau menutupi sebahagian daripada kaki.

### Bagaimana compression sleeves berfungsi?

Melalui tekanan lembut pada urat di bahagian bawah kaki dan lengan, ia mampu menyokong dinding salur darah sambil menggalakkan pengaliran darah dari bahagian kaki ke jantung.

Di samping itu, tekanan mampatan (compression) membantu untuk membersihkan bahan buangan dari tisu. Cecair limfa, asid laktik, dan enzim lain yang menyebabkan bengkak pada lengan dan kaki akan diproses apabila ia masuk melalui sistem peredaran darah. Compression boleh membantu pengaliran cecair dan menghalang bahan buangan daripada berlarutan di kaki atau lengan.



## BENGKEL JAHITAN ‘COMPRESSION SLEEVES’ UNTUK PESAKIT KANSER

TARIKH: 11 NOVEMBER 2022  
TEMPAT: BILIK MESYUARAT UTAMA  
PPUSMB (TINGKAT 3)  
MASA: 3.00 PETANG – 5.00 PETANG

SESIAPA YANG BERMINAT SILA HUBUNGI  
DR BAKIAH 010-4020301

<https://www.rescuelegs.com/product/lymphedema-arm-sleeve-gauntlet-20-30-mmhg>

# COMMUNITY

## Oktober Bulan Kesedaran Kanser Payudara: UNITA bersama LPPKN, Kilang Paramit, MBPP dan CSM

oleh: Hasmah Binti Hussin

### IPPT, BERTAM, Oktober 8 2022 -

Unit Kanser Wanita (UNITA), Pusat Perubatan USM Bertam (PPUSMB) telah menerima beberapa jemputan kerjasama untuk mejayakan program promosi kesihatan sempena Oktober Bulan Kesedaran Kanser Payudara. UNITA telah bersama-sama Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Bertam pada 8 Oktober 2022 melaksanakan beberapa aktiviti komuniti di perkarangan Mydin Bertam. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah sesi senamrobik, pameran statik kesihatan, ceramah mengenai kanser payudara dan forum bersama "breast cancer survivor". Ceramah tersebut disampaikan oleh Dr.Hasmah Hussin, Pakar Bedah Onkoplastik Payudara, PPUSMB mengenai Fakta dan Mitos Mengenai Kanser Payudara. Manakala sesi forum pula merupakan sesi perkongsian pengalaman pesakit kanser payudara yang telah berjaya melalui liku-liku sepanjang rawatan kanser payudara dan mereka telah melepas lebih 5 tahun rawatan susulan kanser payudara.

Pada 13 Oktober 2022, UNITA pergi ke Kilang Paramit di Batu Kawan. Ini merupakan jemputan pertama kali daripada industri. Di kilang tersebut, pasukan UNITA membuat pameran mengenai penyakit kanser payudara, menekankan kepentingan pemeriksaan sendiri payudara (PSP) dan saringan mammogram. Pasukan UNITA mendekati staf-staf kilang secara individu bagi memberi penerangan dan menunjukkan demonstrasi PSP pada model payudara.

Pada 14 Oktober 2022, UNITA telah mengunjungi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Komtar bagi bersama-sama menjayakan program kesedaran kanser payudara. Ceramah mengenai Kesedaran Kanser Payudara disampaikan oleh Dr. Hasmah. Peserta-peserta program tersebut terdiri daripada staf-staf MBPP. Sambutan yang sangat menggalakkan apabila staf-staf MBPP sanggup menunggu giliran bagi mempraktikkan teknik yang betul bagi pemeriksaan sendiri payudara pada model payudara.

Penyertaan program terakhir UNITA pada bulan Oktober adalah pada 15 Oktober 2022 iaitu Majlis High Tea sempena Sambutan Bulan Kesedaran Kanser Payudara (Pink October 2022) anjuran Cancer Survivor Malaysia (CSM). Pasukan UNITA menerima jemputan untuk satu sesi ceramah mengenai kanser payudara dan mengambil peluang mengadakan pameran bagi memberi penekanan kepada PSP dan saringan mammogram.

Pada kali ini, UNITA mengambil konsep penekanan dan pemeriksaan pemeriksaan sendiri payudara (PSP) dan kepentingan saringan mammogram di kalangan wanita. Sambutan pada setiap program adalah sangat meggalakan. Walaupun UNITA terlibat dalam aktiviti secara berturut-turut, UNITA mendapat kerjasama yang sangat baik dengan penyertaan staf jururawat-jururawat yang bukan sahaja bertugas di UNITA tetapi juga daripada unit-unit lain. UNITA sangat menghargai kerjasama yang diberikan. UNITA merancang untuk terlibat lebih banyak aktiviti kesedaran dan saringan kanser payudara dengan pelbagai agensi kerajaan, industri dan pertubuhan komuniti pada tahun hadapan.



# UNITA BERSAMA KOMUNITI



# UNITA BERSAMA KOMUNITI



# Community

## Bengkel Jahitan Mastectomy Bra Bersama Komuniti

oleh: Bakiah Binti Shaharuddin

IPPT, September 24 2022 -

Kebanyakan pemandiri kanser payudara, terutamanya mereka yang di peringkat advanced menghadapi masalah kehilangan semua atau sebahagian daripada payudara melalui pembedahan payudara atau mastectomy. Isu ini kerap membawa kepada masalah psiko-sosial semasa dalam tempoh pemulihan, seperti rasa rendah diri, kebimbangan, kemurungan, isu imej badan, dan juga cabaran seksualiti. Perubahan pada payudara dan persepsi femininity kewani-taan mereka boleh mengakibatkan kemerosotan kualiti hidup atau "quality of life". Aspek lain untuk meningkatkan persepsi imej badan ialah penerimaan pemakaian "breast prosthesis" atau payudara palsu dan "mastectomy bra" atau colis mastektomi yang boleh memulihkan harga diri, tahap keyakinan, kewanitaan dan seksualiti pesakit kanser payudara. Halangan pemakaian prosthesis dan bra khas ini mungkin disebabkan oleh kurang pengetahuan, faktor sosial dan kewangan.

Justeru, projek ini adalah bagi menggalakkan pemandiri kanser payudara memakai prostesis payudara dan mastectomy bra yang sesuai. Kami juga memperkasa komuniti jahitan untuk menghasilkan bra yang sesuai untuk wanita selepas mastektomi untuk dipadankan dengan prosthesis.

Untuk tujuan ini, kami telah mengenal pasti komuniti jahitan seramai 25 orang tukang jahit yang telah menjahit mastectomy bra secara sukarela. Bengkel jahitan telah selamat diadakan pada 24hb September 2022. Sebanyak 65 pasang bra telah dapat dihasilkan.



Motivasi yang tinggi di kalangan para peserta untuk mencapai objektif bengkel

## Pink October Webinar Secara Langsung

oleh: Bakiah Binti Shaharuddin

IPPT, Oktober 7 2022 -

### SAMBUTAN BULAN KESEDARAN KANSER PAYUDARA

Menurut statistik dari National Cancer Registry, kanser yang paling biasa di Malaysia adalah kanser payudara, diikuti oleh kanser kolorektal, kanser paru-paru, kanser nasofaring dan kanser hati. Kedua-dua kanser payudara dan kanser serviks adalah antara punca utama kematian bagi wanita Malaysia yang menghidap kanser. Bilangan orang yang kerap menjalani pemeriksaan untuk pengesanan kanser adalah jauh dari memuaskan. Kekurangan pengetahuan, faktor sosial dan kewangan serta kekurangan galakan oleh ahli keluarga adalah antara sebab utama kanser payudara tidak dapat dikesaan di peringkat awal?

Justeru, pihak Pusat Perubatan Universiti Sains Malaysia, Bertam dan 'Breast Cancer Translational Research Program' dari Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) menganjurkan sambutan Pink October atau Bulan Kesedaran kanser Payudara. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran betapa pentingnya pengesanan awal kanser payudara di kalangan komuniti. Aktiviti seminar akan diadakan bagi menambah ilmu pengetahuan mengenai faktor risiko, bagaimana mengesan kanser payudara dan perawatan terkini.

Webinar Siri 1 telah disiarkan secara langsung di channel You Tube dan Facebook Insitut Perubatan dan Pergigian Termaju pada 7hb Oktober 2022 yang lalu. Dua penceramah yang telah terlibat dalam siri 1 terdiri daripada Dr Noor Khairiah A. Karim (Pakar Radiologi) dan Dr Fitreena Anis Amran (Pakar Bedah Payudara) dari Pusat Perubatan USM Bertam (PPUSMB) dan telah dipengerusikan oleh Dr Nor Shuhada Murad, Pensyarah IPPT.



# COMMUNITY

## ***USM Lancar Pusat Perubatan USM Bertam Untuk Naik Taraf Perkhidmatan Kesihatan Masyarakat Pertama Di Malaysia***

oleh: Mahirah Mahyidin

**BERTAM, September 21 2022 -**

Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Dato' Dr. Faisal Rafiq Mahamad Adikan hari ini melancarkan secara rasmi Pusat Perubatan USM Bertam yang akan memberi satu lagi perkhidmatan rawatan kesihatan kepada orang ramai yang akan dimajukan sebagai sebuah hospital disasarkan pada 2026 nanti.

Sebelum ini, perkhidmatan ini adalah sebahagian daripada Perkhidmatan Klinikal Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) yang menjadi pusat latihan dan penyelidikan kepada pelajar di samping memberi rawatan kepada pesakit yang kini dijenamakan sebagai Pusat Perubatan USM Bertam dan diluluskan oleh Lembaga Gabenor USM.

Pusat Perubatan USM Bertam ini menjadi sebahagian daripada perkhidmatan Hospital USM yang berada di Kubang Kerian Kelantan dan akan menyediakan perkhidmatan rawatan perubatan dan pergigian termasuk untuk pesakit kanser/onkologi.

Pusat Perubatan USM Bertam mempunyai kepakaran dan fasiliti termasuk 27 buah katil wad pesakit dalam, unit rawatan rapi (ICU), wad radioiodin, teater pembedahan, endoskopi dan lain-lain di samping fasiliti dan makmal untuk rawatan pergigian.

Untuk menampung kos operasi Pusat Perubatan USM Bertam ini, tumpuan diberi kepada pesakit berbayar melalui insurans, pesara kerajaan dan pihak-pihak yang mempunyai perjanjian dengan USM seperti PERKESO.

Namun begitu, untuk membantu komuniti yang memerlukan bantuan rawatan perubatan dan pergigian, usaha dibuat untuk mengumpul dana melalui tabung amanah daripada sumber dalaman USM, wakaf atau sumbangan oleh syarikat korporat dan agensi-agensi kerajaan, Majlis Agama serta badan bukan kerajaan/badan sukarela (NGO) untuk membayai atau menampung sebahagian kos rawatan pesakit.

USM juga turut melancarkan Pusat Sumber Penyakit Buah Pinggang Kronik, Program Clinical Fellowship PPUSMB – IPPT dan Sambutan Program 'Outreach' Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Prihatin Komuniti Sejahtera (KRIS) peringkat Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT).

Pusat Sumber Penyakit Buah Pinggang Kronik adalah yang kedua ditubuhkan dalam USM selepas CKDRC di Hospital USM Kubang Kerian yang telah mula beroperasi sejak tahun 2011.

CKDRC telah memulakan perkhidmatannya di Bertam pada bulan Jun 2022 untuk menjadi sebuah pusat sehenti (one-stop centre) bagi pencegahan dan perawatan penyakit buah pinggang kronik secara bersepada dan sistematis.

Antara perkhidmatan yang ditawarkan di CKDRC adalah klinik pakar nefrologi, ultrasound vaskular, penilaian berat kering pesakit buah pinggang kronik, pembedahan AVF, kaunseling secara berkumpulan (melibatkan unit dietetik dan farmasi), kursus dan juga aktiviti penyelidikan.

Program Clinical Fellowship PPUSMB – IPPT pula menawarkan peluang bagi menambah ilmu dan kemahiran klinikal kakitangan kesihatan terutamanya doktor pakar dalam bidang-bidang tertentu yang lebih spesifik.

Program Clinical Fellowship yang dilancarkan adalah Clinical Brachytherapy and Brachytherapy Physics setelah IPPT USM menerima akreditasi sebagai Pusat Latihan dan Penyelidikan Antarabangsa BrachyAcademy sejak awal tahun ini.

